



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpk.gov.my

KENYATAAN MEDIA

MAKLUM BALAS KEPADA KENYATAAN MEDIA OLEH PERTUBUHAN PERSAUDARAAN PESAWAH MALAYSIA (PeSAWAH) BERTARIKH 8 JANUARI 2025 MENGENAI PENURUNAN HARGA BELIAN PADI

PUTRAJAYA, 10 JANUARI 2025 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) ingin merujuk kepada kenyataan media oleh Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) “BANTAHAN TERHADAP PENURUNAN HARGA PADI: SUARA PESAWAH DIABAIKAN” pada 8 Januari 2025.

KPKM ingin menegaskan bahawa tiada sebarang arahan atau keputusan berhubung penurunan harga belian padi sehingga kini. Kenyataan media yang dikeluarkan oleh pertubuhan tersebut adalah tidak tepat dan telah menimbulkan kekeliruan di kalangan pesawah dan pemain industri padi dan beras negara.

Oleh yang demikian, KPKM menggesa supaya penyebaran maklumat berhubung kenyataan ini dihentikan segera dan menegaskan bahawa sebarang penyebaran maklumat tidak sah ini adalah di bawah tanggungjawab penyebar.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN